



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KPKM PERKETAT KAWALAN IMPORT MELALUI PENGUATKUASAAN SIJIL ANALISIS (COA) BAGI IKAN SIAKAP DAN SEKATAN SEMENTARA BAGI UDANG DARI THAILAND

PUTRAJAYA, 16 MEI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menguatkuasakan keperluan Sijil Analisis atau *Certificate of Analysis* (CoA) bagi ikan siakap dari Thailand dan sekatan sementara lima (5) spesis udang dari Thailand iaitu *Penaeus esculentes*, *Fenneropenaeus merguensis*, *Penaeus vannamei*, *Penaeus monodon* dan *Penaeus stylirostris* berkuat kuasa 1 Jun 2026.

Tempoh sekatan bagi udang adalah sehingga pihak berkuasa Thailand mengemukakan maklum balas rasmi yang lengkap terhadap soal selidik yang dikemukakan oleh Malaysia, serta tertakluk kepada penelitian lanjut pihak Malaysia terhadap maklum balas tersebut.

Langkah ini dilaksanakan bagi memperkukuh kawalan keselamatan makanan negara, khususnya dalam memastikan ikan siakap dan udang yang memasuki pasaran tempatan mematuhi standard keselamatan dan kualiti yang ditetapkan.

Pelaksanaan kawalan import ini akan dibuat secara bersepadu melalui kerjasama Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKKM KKM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di semua pintu masuk negara.

Kementerian akan terus bekerjasama rapat dengan semua agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan kawalan import ini berjalan lancar, tanpa menjejaskan kestabilan bekalan ikan siakap dan udang dalam negara. KPKM kekal komited dalam memastikan tahap keselamatan, sekuriti dan kualiti makanan negara sentiasa terjamin demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Maklumat lanjut mengenai panduan permohonan CoA akan dimuat naik di laman sesawang rasmi KPKM dalam masa terdekat dan boleh dirujuk dari semasa ke semasa.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

